

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)45**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB. LIM GUAN ENG**

45. Sila nyatakan apakah program pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk setiap tahun sejak 2015 serta prestasi pelaksanaannya berbanding dengan jumlah permohonan oleh Kerajaan Negeri.
- (a) Apakah reaksi terhadap kegagalan projek pembangunan baru untuk Pulau Pinang dalam Belanjawan Persekutuan 2022?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

45. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) merangkumi perancangan Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan negara untuk tempoh lima (5) tahun dari 2016-2020, manakala Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi tempoh 2021-2025.

Berdasarkan data Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang (ICU, JPM), jumlah projek yang telah diluluskan dalam *Rolling Plan Ke-4*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) ialah sebanyak 169 projek dengan anggaran kos sebanyak

RM14.96 bilion. Projek-projek yang telah siap di dalam RMKe-11 ialah sebanyak 32 projek. Manakala projek-projek RMKe-11 dalam kategori pelaksanaan dan telah disambung pelaksanaannya bagi RMKe-12 (*Rolling Plan 1, Tahun 2021*) adalah sebanyak 104 projek.

Di bawah RMKe-12, terdapat sebanyak 181 projek baru yang telah disenaraikan dalam (*Rolling Plan 1, Tahun 2021*) RMKe-12 untuk Negeri Pulau Pinang dengan jumlah peruntukan keseluruhan tahun 2021 berjumlah RM 1.01 bilion.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan sebanyak 121 projek-projek pembangunan dan infrastruktur awam dengan kos keseluruhan RM12,015,281,623 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan sebanyak 179 projek dengan kos keseluruhan RM28,025,688,723 di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

- (a) Anggaran peruntukan yang telah diluluskan untuk Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM996 juta dengan keutamaan diberikan kepada sektor Ekonomi dan

Sosial. Pecahan kos dan peruntukan mengikut sektor utama adalah seperti berikut:

<b>Sektor Utama</b>	<b>Bil.</b>	<b>Kos (RM Juta)</b>	<b>%</b>	<b>Peruntukan (RM Juta)</b>	<b>%</b>
Ekonomi	45	5,524	60	636	63.9
Keselamatan	7	512	5.5	44	4.4
Pentadbiran	11	172	1.9	27	2.7
Sosial	113	2,999	32.6	289	29
<b>Jumlah</b>	<b>176</b>	<b>9,207</b>	<b>100</b>	<b>996</b>	<b>100</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Kerajaan Negeri belum menerima senarai projek yang diluluskan di bawah Bajet 2022 Persekutuan. Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang memaklumkan bahawa projek-projek pembangunan yang diluluskan di bawah Bajet 2022 akan dikemaskini oleh semua Kementerian di dalam sistem MyProjek pada Januari 2022.

Kerajaan Negeri juga menghargai sesi libat urus yang dijalankan dengan Kerajaan Persekutuan untuk mereka lebih memahami keperluan Kerajaan Negeri, antaranya Program Jelajah YB Menteri Kewangan Ke Negeri Pulau Pinang Sempena Penyediaan Bajet 2022 pada 9 Oktober 2021 dan Sesi Roadshow

Pasca Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Bersama Negeri Pulau Pinang yang dihadiri oleh YB Menteri Ekonomi pada 10 November 2021. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan kelulusan bagi projek-projek keutamaan pembangunan.